

# BULETIN PESARA

## Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 11 (1), Jun 2021

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

### MINDA PENGERUSI



Bertemu Kembali menerusi Buletin PESARA Bil. 11(1) 2021. Saya mendoakan warga pesara berada dalam keadaan sihat dan diberi perlindungan Allah dalam menjalani kehidupan kita seharian. Nampaknya Covid 19 terus menyukarkan kehidupan kita dan tidak pasti bila akan berakhir. Hanya kepada Allah s.w.t kita memohon bantuan dan perlindunganNya agar wabak ini akan berkurangan dan terus berakhir dalam masa yang terdekat. Patuhilah arahan pemerintah sebagai satu ikhtiar untuk memutuskan rantaian wabak ini.

Kesan daripada bencana pandemik ini ternyata Mesyuarat Agong Persatuan pada tahun ini terpaksa ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditentukan. Bukan itu sahaja, pertemuan dan sambutan Jamuan Hari Raya juga telah tidak dapat diadakan buat kali keduanya pada tahun ini. Lantaran itu peluang untuk beramah mesra dan bermaaf-maafan tidak dapat dilakukan. Pihak Urusetia Persatuan PESARA memohon maaf di atas ketidakupayaan melaksanakan dua kegiatan penting ini disebabkan wabak yang sedang melanda yang tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa atas faktor kesihatan. In sya Alah setelah wabak ini berakhir kelak, pihak kami akan meneruskan usaha murni ini. Persatuan juga akan sentiasa bekerjasama dengan PAWE UKM dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya di mana mereka juga mengalami situasi yang sama, iaitu banyak kegiatan terpaksa ditangguhkan kerana pandemik.

Pada kesempatan ini juga saya mengalu-alukan kedatangan Naib Canselor yang baru dilantik menggantikan Naib Canselor sebelumnya yang telah tamat tempoh lantikannya. Ibarat kata perumpamaan Melayu, “Tak sudah seluang melaut akhirnya Kembali ke pantai juga”, begitulah ibaratnya YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman, seorang alumni UKM, bertugas di UKM, kemudian mengembara menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman ke Negeri Pantai Timur namun cintanya pada UKM tidak pernah pudar akhirnya kembali ke UKM, untuk menabur bakti kepada sebuah institusi yang mendewasakannya. Selamat Kembali YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor baru. Semoga beliau

dapat memberikan buah fikiran untuk menjadikan UKM sebuah institusi yang hebat dan terulung seantero dunia dan sekali gus memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Sebagai tanda pengukuhan hubungan antara UKM dan Persatuan PESARA, In sya Allah AJK PESARA akan melakukan kunjungan hormat menemui Naib Canselor yang tarikhnya akan ditentukan kemudian. Agenda yang akan dibincangkan antaranya untuk memajukan UKM – urusan akademik dan hal ehwal pelajar di mana PESARA boleh membantu kerana ramai ahlinya pakar dalam berbagai bidang. Mudah-mudahan dengan khidmat nasihat para pesara (akademik dan bukan-akademik) mendatangkan kebaikan kepada UKM sebuah institusi yang sangat kita sayangi. Kami sentiasa ingin meneruskan bakti kami kerana budi dan jasa UKM amat besar dan sukar untuk dilupakan. Pihak Persatuan juga akan cuba mengadakan kunjungan hormat menemui Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin, Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, yang juga baru dilantik, pabila masa mengizinkan. Sudah tentu pertemuan ini kelak antara lainnya akan membincangkan kelangsungan penambahbaikan perkhidmatan yang lebih baik, yang boleh diberikan buat para pesara UKM.

Akhir kata kepada Naib Canselor baru UKM dan Pengarah, HCTM selamat bertugas dan kepada semua pesara UKM “Selamat Hari Raya Aidilfitri”. Jaga diri semoga kita semua selamat dan sentiasa sihat dan bahagia menjalani hidup bersama keluarga. Salam.

**Sidang editor Buletin**

Dr. Misran Rokimin

Puan Salmah Kasmani

**AJK Penerbitan**

Dr Misran Rokimin

Sdr. Abd. Raai bin Osman

Sdr. Othman Ahmad

Puan Rosenaini@Rusnaini A. Saman

Puan Salmah Kasmani

## **BIRO RIADAH DAN LAWATAN DAN BIRO KEBAJIKAN**

Dengan pandemik yang sedia ada, kebanyakan kegiatan di bawah Biro-biro ini tidak dapat dilaksanakan ataupun tertangguh. Tambahan ziarah menziarahi juga terhad. Kalaupun ada kematian di kalangan ahli atau bukan ahli, wakil Persatuan hanya mengunjungi waris untuk membantu membuat tuntutan pengurusan jenazah atau penceburan terbitan. Cuma ada berkesempatan sekali menziarahi Dr. Mansor Jusoh yang baru lepas dibedah, di kediaman beliau.

## **INFO-INFO LAIN**

### **POLIKLINIK UKM KESIHATAN SEKSYEN 15 BANDAR BARU BANGI**

1. UKM tidak tanggung kos rawatan para pesara di Poliklinik ini, Cuma pesara UKM boleh daftar untuk mendapatkan KAD DISKAUN PESARA UKM (bawa kad pesara UKM semasa pendaftaran).

Kemudahan:

5% diskaun drpd bill semasa

10% diskaun injuksi vaksin (bukan vaksin untuk C19)

2. Kakitangan yang sedang berkhidmat termasuk perkhidmatan kontrak dan tanggungan akan diberi subsidi sejumlah RM45.00 setiap bil.

Sebarang kemosykilan boleh hubungi Poliklinik UKM Kesihatan Seksyen 15 : 012 2273919

*(info daripada Unit Perubatan UKM dan Poliklinik UKM Kesihatan Seksyen 15 : Jan., 2021)*

## **KAD PENCEN JPA/KAD PESARA UKM**

**Kad Pencen JPA** boleh bawa pasangan untuk mendapatkan rawatan dimana2 hospital kerajaan dan HCTM.

**Kad Pesara UKM** boleh bawa pasangan untuk mendapatkan rawatan di HCTM sahaja.

## SENARAI PUSAT KHIDMAT RAKYAT / DUN

DUN	ALAMAT DUN	TEL.
N.01 Sungai Air Tawar	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sg. Air Tawar, Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar 45100 Sg Air Tawar Sabak Bernam, Selangor.	011-2901 2392
N.02 Sabak	Pejabat Adun Sabak, Pusat Penerangan Waterfront, 45200 Sabak Bernam , Selangor	014-644 4349
N.03 Sungai Panjang	No21-G Jalan PPP 1, Pusat Perniagaan Perdana 45300, Sungai Besar, Selangor. (Berhadapan Puspakom)	018-265 0929
N.04 Sekinchan	No. 6a, Jalan Menteri, 45400 Sekichan, Selangor	03-3241 3690
N.05 Hulu Bernam	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Bernam, Balai Raya, Jalan Besar Hulu Bernam, 35900 Hulu Bernam, Selangor	05-4581 264
N.06 Kuala Kubu Baharu	No.15, Jalan Gamelan 1, Off Jalan Hamzah, Taman Gamelan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor	03- 6064 5505
N.08 Sungai Burong	No. 25, Jalan Nilam 1,Taman Nilam,Batu 3, Sungai Terap,45500 Tg Karang, Selangor	03-3281 2069
N.07 Batang Kali	No.25-1 Jalan Adenium 2g/7, Pusat Perniagaan Adenium, Seksyen Bb5, 48300 Bukit Beruntung, Rawang, Selangor.	03-6021 2328
N.09 Permatang	No. 25, Jalan Nilam 1,Taman Nilam,Batu 3, Sungai Terap,45500 Tg Karang, Selangor	03-3281 2069
N.10 Bukit Melawati	No. 2-1, Jalan Bendahara 1/2a, Taman Bendahara, 45000 Kuala Selangor, Selangor	03-3281 4233
N.11 Ijok	No.6 Taman Ijok Utama, Taman Ijok Utama, 45600 Batang Berjuntai, Selangor	03-3279 1079
N.12 Jeram	No.20A, Jalan NiagCZa Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor.	03-3396 0036
N.13 Kuang	Dataran Setia, Lorong Setia 17 Batu 18 Jalan Kundang, Kuang 48050 Rawang Selangor Darul Ehsan	03-6034 4222
N.14 Rawang	No. E11, Jalan Mutiara 2, Mutiara Business Centre, 48000 Rawang, Selangor	03-6091 2118
N.15 Taman Templer	No. 14 A, Tingkat 1, Jalan 2/12, Dataran Templer, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor	03-6127 1831
N.16 Sungai Tua	Dewan Komuniti Taman Amaniah, Jalan 4, Taman Amaniah, 68100 Batu Caves, Selangor	03-6187 5950
N.17 Gombak Setia	Dewan Beringin, Jln. Sg. 1/1 Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan	03-6178 3170
N.18 Hulu Kelang	No 6a, Jalan Au2a, Taman Sri Keramat, 54200 Kuala Lumpur	03-4260 2205
N.19 Bukit Antarabangsa	30-M, Jalan Mamanda 7, Taman Dato Ahmad Razali, Ampang Point 68000 Ampang Selangor.	010-246 8446
N.20 Lembah Jaya	Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras DUN Lembah Jaya, Lot 13-1,Laman@Ampang WaterFront, Jalan AWF 3A, Ampang Waterfront, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan	011-1020 9796
N.21 Pandan Indah	No 4a, Jalan Pandan Indah 1/23a, Pandan Indah , 55100 Ampang, Selangor	016-576 2710
N.22 Teratai	No. 27 Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Seraya 56100 Kuala Lumpur	03-4297 6688
N.23 Dusun Tua	No 38-1, Jalan Sri Mas 1 Taman Sri Mas 43100 Hulu Langat, Selangor	03-9021 2383
N.24 Semenyih	No. 29 Jalan TTDI Grove 7/1 Seksyen 9 Taman TTDI Grove 43000 Kajang Selangor	03-8741 1117
N.26 Sungai Ramal	No.28a, Jalan Medan Pusat 2c, Seksyen 9, Pusat Bandar Baru Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	03-8928 9738

*Nota: Jika kawasan anda tidak termasuk di dalam senarai di atas, sila hubungi pejabat DUN yang terdekat bagi mendapatkan keterangan lanjut.*

## PELANCARAN BUKU

### SUNGAI SEMAMBU KE MONASH : KEMBARA ILMU SEORANG PENSYARAH FIZIK

**Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Yahaya**

8 April 2021

di Dewan Persidangan, Fakulti Sains dan Teknologi

Majlis dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah.

Moderator : Prof. Madya Dr. Faizal Mohamed

Pengulas Buku : Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din dan Dr. Misran Rokimin.



 Memoir ini merupakan kenangan seorang ahli akademik yang tugasnya utamanya adalah untuk mengajar, menyelidik dan berkhidmat kepada masyarakat. Memoir ini bermula dengan kisah perjalanan hidup penulis sebagai seorang pelajar dari Sekolah Umum Tanah Liat, berpindah ke Kuala Lumpur dan seterusnya menyambung pelajaran di Bandung, Indonesia demi segulung ijazah, hingga akhirnya memperoleh ijazah tertinggi di Australia.

Banyak pengalaman baharu yang ditempuh semasa mengikuti sistem pembelajaran di Indonesia hanya diceritakan secara bersahaja. Namun begitu, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu dan menjadikan penyelidikan sebagai budaya dalam kehidupan yang menjadi misi utama dalam kerjaya penulis diuraikan dengan terperinci. Mempelajari sains dalam bahasa Melayu dalam keadaan yang serba kekurangan juga terbukti mencabar dan penuh dengan suka duka. Bagaimanapun hal ini dapat diatasi dengan adanya minat yang tinggi serta kerja kuat untuk menguasainya.



Memoir ini turut menjelaskan penglibatan, kegiatan, pengalaman dan pandangan penulis terutama yang berhubung dengan beberapa peristiwa dalam dunia akademik yang menyentuh banyak pihak, rakan sekerja, pentadbir, bahkan keluarga sendiri. Bertugas sebagai pentadbir akademik juga cukup mencabar kerana sudah tentu mengurus ahli intelek yang penuh dengan idiosinkrasinya dan selalu berpandangan “kita boleh bersetuju untuk tidak bersetuju”.

Mengandungi 248 ms. Bagi memperoleh buku ini boleh hubungi penulis sendiri di talian 013 3357477.

## Pelancaran Buku Alumni

- Langkah Demi Langkah ke Puncak
- Tautan Kasih

Berlangsung di Pesara Canselor pada 12 April 2021 Jm 3.00 petang.

Dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor UKM dan dihadiri oleh mantan-mantan UKM



## LANGKAH DEMI LANGKAH KE PUNCAK

Oleh Rukayah Aman dan Zuriati Zakaria.



Memoir yang diilhamkan semasa pertemuan pertama di restoran Eat-8 di Putrajaya pada 6 Mei 2017 telah dapat disempurnakan. Buku ini yang berupa nukilan catatan sejarah saintis awal UKM berhasrat untuk menelusuri kejayaan sistem pendidikan dalam Bahasa Kebangsaan di peringkat tertinggi, iaitu di UKM, pencapaian dan sumbangsih graduan Sains perintis UKM dalam pembangunan bangsa dan negara sejak dulu sehingga masa kini.

Buku ‘Langkah demi Langkah ke puncak’ merupakan nukilan catatan sejarah Pendidikan Melayu sebelum dan selepas merdeka, ahli sains Melayu, dan asas penubuhan UKM. Bab-bab seterusnya menyentuh aspek prasarana dan struktur pentadbiran kampus sementara di Lembah Pantai dan di Kolej Islam Seksyen 16 Petaling Jaya.

Maklumat dipaparkan dengan serba ringkas tetapi padat, melalui gaya penulisan yang santai dan mudah difahami berkenaan lima jabatan asas Fakulti Sains, iaitu Jabatan Fizik, Ilmu Hisab, Kajihayat, Kimia dan Kajibumi, termasuklah barisan tenaga akademik, kurikulum dan prasarana.

Bahagian kedua buku ini tertumpu kepada menjelaki kumpulan pertama 37 orang perintis sains aliran Melayu bermula dari pendidikan awal di sekolah hingga pencapaian akademik tertinggi diikuti dengan kerjaya dan pencapaian mereka, sama ada dalam bidang pendidikan, penyelidikan, pentadbiran dan lain lain.

Ramai graduan perintis sains ini yang berjaya ke puncak kegemilangan menjadi inspirasi pada rakyat Malaysia dengan kejayaan yang membanggakan. Ada yang berjawatan tinggi iaitu pengarah, ketua jabatan, dekan hingga Timbalan Naib Canselor Universiti. Tidak kurang juga yang berkhidmat dan kepakarannya diperlukan hingga ke hari ini, menjadi felo Universiti serta pakar runding dan menjadi pendidik anak bangsa yang membanggakan negara.

Penulis sendiri masih memberikan khidmat kepakaran ke arah memartabatkan bahasa Melayu dalam sains botani dan pertanian hingga ke hari ini. Selain menulis buku dalam bahasa Melayu, kepakaran diperlukan dalam menyusun kamus dan istilah untuk memastikan bahasa Melayu terus berkembang setanding dengan bahasa lain di dunia.

Buku ini diakhiri dengan penceritaan bergambar kenangan penuh nostalgia kehidupan di kampus dan pertemuan semula graduan sains sulung UKM selepas 43 tahun. Sepanjang penulisan buku ini tiga orang rakan telah pulang ke Rahmatullah, Al-Fatihah. Tiga orang lagi belum dapat bersua dalam mana-mana pertemuan yang diadakan.

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam penulisan buku ini. Penulis telah mengambil banyak bahan dari penulisan En Roosfa Hashim, Dr Shafie Abu Bakar mengenai penubuhan UKM dan Fakulti Sains. Banyak gambar telah diambil dari blog Mat bin Zakaria Terima kasih kepada Abdul Rahim Samsudin, Bachok Taib, Jidin Dolah, Ibrahim Baba, Md Soot, Mohd Harith Mohd Hashim dan Willi Littke Peace Corp 73-74 kerana menyumbang gambar dalam buku ini.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Puan Maimon Abdullah, Pn Noriah Jamaludin dan Sdr. Mohd Zahari Abu Bakar kerana meluangkan masa untuk mengedit dokumen ini.

Buku ini mengandungi 8 bab dan 181 ms. Untuk memperolehi buku ini boleh hubungi YBhg. Datin Dr. Zuriati Zakaria (013-3269908).

## TAUTAN KASIH




Buku ini menceritakan khusus kepada mantan Alumni siswa/siswi UKM Jalan Pantai Baru sekitar 1970-1974. Coretan coffeee table. Lakaran sejarah ringkas yang dibahagikan kepada 2 bahagian,, Bahagian 1 perjuangan orang Melayu untuk menubuhkan UKM. Bahagian 2 siswa siswi 50 tahun dahulu dan kini sebahagiannya telah menjadi tokoh-tokoh ternama memegang jawatan-jawatan penting di sektor kerajaan dan swasta serta meraih gelaran dan anugerah tertinggi negara. Buku diusahakan bersama oleh ..... Buku ini disertakan gambar-gambar nostalgia. Sidang Redaksi buku ini terdiri daripada Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din; Prof. Madya Dr. Inon Shaharudin; Tuan Haji Sirol Aflah Hassan Basri dan Prof. Madya Dr. Misran Rokimin. Buku ini boleh diperolehi dengan menghubungi Dr. Misran (013 3542787). Buku ini mengandungi 81ms.

## BUKU-BUKU LAIN YANG DITERBITKAN OLEH AHLI PERSATUAN PESARA UKM

### SENI FOTO.

Raai Osman

(Mantan Jurufoto UKM)




Buku ini membincarkan ilmu fotografi dalam bahasa melayu. Terdapat 139 muka surat yang dijual dengan harga RM15 selepas diskau dari RM20. Buku ini dijual di Google Book.

### ANTOLOGI IBU

Raai Osman

(Mantan Jurufoto UKM)



Ebook ini merupakan koleksi cerpen penulis yang tersiar di media perdana Malaysia. Mengandungi 28 muka surat dijual dengan harga RM 6.36. Dijual di Google Book.

## **SELEPAS ANDA BERSARA**

Raai Osman

(Mantan Jurufoto UKM)

Buku ini juga dijual di Google Book dengan harga RM8.80. Buku ini membicarakan apa yang harus dilakukan sebelum dan selepas bersara. Mengandungi 22 ms.



Sebarang pertanyaan mengenai ketiga-tiga buku ini bolehlah hubungi Sdr. Raai Osman di talian 019 3393308.

## **KUASA DOA WARKAH DARI HOSPITAL oleh Seorang Pesakit Buah Pinggang**

Raai Osman

(Mantan Jurufoto UKM)



Siapa mahu sakit? Sudah tentu tidak. Jika telah mengidap penyakit kronik maka kita kena reda. Penyakit adalah anugerah Allah. Oleh itu jangan buruk sangka dengan Allah. Maka berubatlah dengan penuh takwa. Bertawakallah dengan Allah. Berdoa adalah ubat paling mustajab. Apa saja yang kita alami ia adalah ujian dari Allah.


Kita wajib menjaga iman agar tidak terpesong. Jangan sesekali menyebut, mengeluh dan apa saja "kenapa Allah letakkan penyakit ini kepada kita". Itu buruk sangka namanya. Sebelum kita dilahirkan zuriat kita adalah yang terkuat dari air mani ayah kita. Kita dikandungkan ibu dalam tempuh sembilan bulan sepuluh hari dalam rahimnya yang lembut.

Akhirnya kita lahir menjadi manusia gagah samada lelaki atau wanita. Kita kuat. Penyakit ini adalah sebahagian ujian menuju ke alam akhirat. Jika meminta maka mintalah kepada Allah walaupun hingga akhir hayat. Jangan lakukan rawatan yang boleh mensyirikkan kita.

Buku ini mengandungi 86 ms. Harga RM30.00. Dijual di Google Book. Beli terus diskaun jadi RM15.00.

## SAYURAN TRADISIONAL : ULAM DAN PENYEDAP RASA (edisi kedua)

Oleh Ismail Saidin



Dalam buku ini penulis memperkenalkan kepelbagaiannya tumbuhan sayuran yang masih ditanam di kampung-kampung dan di perkebunan. Sayuran ini juga dibuat sebagai sumber keseimbangan dalam diet manusia. Selain itu sayuran ini juga penting dalam sejarah komersial. Keluarga besar manusia ini juga telah selama jangka yang lama membuat sayuran ini untuk mendekati makanan mereka. Penulis juga berpendapat bahawa jenis sayuran ini tidak lagi dikenali oleh generasi muda. Dengan ini penulis ingin menggalakkan warisan negara. Penulis Ismail SAIDIN, merupakan seorang ahli botani dan seorang pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi. Beliau juga pernah dilantik sebagai pengarah Projek Bidang Botani dan Konservasi Kebangsaan. Penulis juga merupakan ahli konservasi tumbuhan dan penyelidik. Penulis pernah mengambil kursus Diploma Lanjut Profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga pernah mengambil pelajaran sains kuantitatif, teknik analisis kimia dan teknik analisis mikroskopik. Penulis kerap turut berpartisipasi dalam seminar-seminar dan pelbagai majlis akademik.

Masyarakat desa gemar memakan sayur ini dan kebanyakan sayuran ini dikenali juga sebagai ubat. Penulis juga berpendapat bahawa banyak jenis tumbuhan ini tidak lagi kenali oleh generasi muda sekarang ini.

Mengandungi 291 ms. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan harga RM70.00 senaskah.

### KANDUNGAN

Bab 1 Pengenalan

Bab 2 Pembiakan dan Penanaman

Bab 3 Huraian Spesies

- *Penulisan Nama Saintifik dan Nama Melayu*
- *Glosari*
- *Bibliografi*
- *Indeks Nama Melayu*
- *Indeks Nama Botani*

Penulis ISMAIL SAIDIN, pesara UKM, orang yang bertanggung jawab menghijaukan semula kampus dalam pembangunan fizikal UKM. Beliau pernah dilantik sebagai Karyawan Tamu. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kini bergiat sebagai Perunding Botani dan menulis dalam bidang entnobotani Melayu

### PAWE (Pusat Warga Emas) UKM

Perasmian pejabat PAWE UKM telah rasmikan oleh YBhg. Ir. Prof. Dato Dr. Othman Karim, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar mewakili YBhg, Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah. Majlis berlangsung pada 22 Dis., 2020 bertempat di Pejabat PAWE, Tingkat 5, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas.

### AJK PAWE UKM

Pengerusi	YBhg. Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin
Timbalan Pengerusi	Ir Hj Ishak Hj. Arshad
Setiausaha	Puan Sahida Sukiman
Bendahari	Hj. Abd. Rahman Madon

### Kegiatan-kegiatan

Sama seperti Persatuan Pesara, UKM, kerana pandemik banyak kegiatan yang telah dirancang tertangguh buat sementara waktu ini. Cuma berkesempatan mengagihkan bahan minuman sihat seperti Susu VegePro, Susu TruBone Silver, Susu Anlene dan Boh Green Tea.

### NOTA

Ada banyak Pusat-pusat PAWE telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Di bawah merupakan **Pusat-Pusat PAWE** yang ditubuhkan di dalam **daerah Hulu Langat, Selangor**.

#### PAWE Pandan

##### Daerah PKMD Hulu Langat

03-87378007

Dewan Komuniti Taman Muda

Jalan Bunga Tanjung 14A, Taman Muda

Ampang

Hulu Langat, Selangor.

Tel : -

Emel : chrispbj@gmail.com

#### PAWE@UNI UKM

##### Daerah PKMD Hulu Langat

03-87378007

Aras 5, Kolej Keris Mas

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

43600 Hulu Langat, Selangor.

Tel : -

Emel : m.zulamin@ukm.edu.my

#### PAWE Beranang

##### Daerah PKMD Hulu Langat

03-87378007

Klinik Kesihatan Beranang

Jalan Semenyih

43500 Hulu Langat, Selangor.

Tel : -

Emel : mohsin3952@yahoo.com

#### PAWE Taman Sri Kantan, Kajang

##### Daerah PKMD Hulu Langat

03-87378007

Jalan 4, Taman Sri Kantan

43000 Hulu Langat, Selangor.

Tel : -

Emel : nurolj@yahoo.com

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan tempat bagi warga emas menjalankan program dan aktiviti harian di dalam komuniti. Ianya merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan komuniti setempat.

Kriteria penubuhan sesebuah PAWE adalah perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- Bilangan warga emas yang ramai dan berminat untuk menjalankan aktiviti di dalam sesebuah komuniti;
- Lokasi premis yang strategik dan mudah diakses oleh warga emas dan orang awam. Ianya juga biasanya berhampiran dengan kemudahan awam;
- Premis yang dipilih hendaklah mesra warga emas dan sesuai dengan program dan aktiviti yang hendak dijalankan seperti bangunan kerajaan, premis swasta, kuarters, balairaya dan sebagainya;
- Komuniti penggerak yang mempunyai minat dan komitmen dalam mengendalikan warga emas seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan, persatuan, komuniti setempat atau agensi swasta yang akan menjadi tulang belakang terhadap pelaksanaan PAWE; dan
- Mendapat sokongan terlebih dahulu daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat/ Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi membolehkan proses permohonan dibuat.

Permohonan penubuhan PAWE sekiranya diluluskan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat bakal menerima geran penubuhan untuk pemberian premis dan pembelian peralatan sebanyak RM80,000 secara *one-off* dan geran mengoperasinya sebanyak RM33,330 untuk tempoh 12 bulan. Sehubungan dengan itu, jika bangunan dewan komuniti ditukar kepada PAWE akan dapat dibaik pulih untuk kegunaan warga emas dan komuniti.

Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab atau mana-mana organisasi PAWE perlu menandatangani Perjanjian Bantuan Kewangan Pengoperasian PAWE bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan mengikut tatacara dan mekanisme pelaporan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

PAWE UKM merupakan cetusan idea oleh Pusat Penuaan Sihat dan Kesejahteraan (H-CARE) Fakulti Sains Kesihatan dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan dan telah diluluskan penubuhannya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**SUDUT SENI****Menjelang Lailatulqadar**

*Kau telah berada di ambang  
Mengintai - intai umat  
Untuk menabur rahmat  
Di malam keramat*

*Buat sekian kali  
Ketibaan mu dinanti  
Penuh berteka - teki  
Bersama mengingati  
Turunnya Mukjizat Kitab Suci  
Kepada Rasul Nabi kami  
Petunjuk kepada manusiawi*

*Lailatulqadar kali ini  
Aku mendamba lagi  
Walaupun aku tidak dianji  
Aku yakin pasti terjadi  
Tanda kasih Allah sejak azali*

*Sepuluh malam terakhir ini  
Aku akan diuji lagi  
Sekujur tubuh yang bermimpi  
Dikejutkan untuk berqiam, berzikir,  
munajat,  
bertaubat dan melafaz ayat suci*

*Tiap kali Lailatulqadar terungkap  
Hamba Mu penuh berharap  
Rahmat dan Rahmah Mu dikecap  
Rahman dan Rahim Mu didakap*

*Untuk menerangi jalan yang gelap  
Semuga aku dianugerah hidayah  
Untuk beristiqamah  
Melengkapkan Ramadan penuh barakah  
Dengan kemanisan beribadah  
Di malam yang penuh Anugerah*

*Ya Allah  
Kau berilah kekuatan  
Untuk aku bertahan  
Dengan keteguhan iman  
Merunduk penuh kehambaan  
Mendamba semalam - malaman seribu  
bulan  
Memohon keampunan  
Memohon keimanan  
Memohon ketaqwaan  
Memohon jalan kebenaran  
Aamiin.*

*In sya Allah!*

Hj. Anuar Md Zain  
Sg. Ara, Bayan Lepas  
30hb.April 2021

*(Penulis sajak di atas ditulis oleh Alumni UKM,  
Lembah Pantai 1970-74. Tema sajak, walaupun  
bulan Ramadhan telah berlalu, tetapi isunya tetap  
relevan untuk dihayati).*

**JAGA SOP  
IKUT ARAHAN KERAJAAN  
KITAJAGAKITA**